



Manuscript Title: Interaksi Sosial Dalam Hubungan Muslim-Kristian di Kota Kinabalu dan Keningau, Sabah

Authors: Suraya Sintang, Assis Kamu & Mohd Nazmi Mohd Khalli

Accepted Date: 9-January-2022

Please cite this article as: Suraya Sintang, Assis Kamu & Mohd Nazmi Mohd Khalli. 2022. Interaksi sosial dalam hubungan Muslim-Kristian di Kota Kinabalu dan Keningau, Sabah. *Kajian Malaysia* (Early view).

This is a provisional PDF file of an article that has undergone enhancements after acceptance, such as the addition of a cover page and metadata, and formatting for readability, but it is not yet the definitive version of record. This version will undergo additional copyediting, typesetting and review before it is published in its final form, but we are providing this version to give early visibility of the article.

**INTERAKSI SOSIAL DALAM HUBUNGAN MUSLIM-KRISTIAN DI
KOTA KINABALU DAN KENINGAU, SABAH**

***SOCIAL INTERACTION IN MUSLIM-CHRISTIAN RELATIONS IN KOTA
KINABALU AND KENINGAU, SABAH***

Suraya Sintang^{1*}, Assis Kamu² and Mohd Nazmi Mohd Khalli¹

¹Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah

²Fakulti Sains dan Sumber Alam, Universiti Malaysia Sabah

*Corresponding author: suraya@ums.edu.my

ABSTRACT

The people of Sabah are known for their exceptional tolerance and ability to foster peaceful coexistence. Although socio-religious relations are deteriorating due to various factors, the situation in Sabah is quite different. This study explains how social interaction between Muslims and Christians in Sabah turns cultural understanding through family ties and neighbors/friends of other religions. Two hundred thirty-four respondents (234) were involved in this quantitative case study in Kota Kinabalu and Keningau. Data were analysed using descriptive statistics, cross-tabulations and a chi-square test to describe the distribution of responses for variables of religions between Muslim and Christian respondents. The findings revealed that social interaction between Muslims and Christians in the studied areas was positive. Muslims and Christians practised cultural understanding during festivals and everyday activities. It might argue that tolerance and mutual understanding across different religions are nurtured through the intertwining of contacts. The family bonding and local ties allow an unlimited connection, which helps to lessen religious gaps in understanding. This study concludes that religion should not consider solely a source of conflict but rather a means of fostering a spirit of coexistence.

Keywords: Social interaction, tolerance, Muslim-Christian relation, mixed-faith family, cultural understanding

ABSTRAK

Masyarakat Sabah sememangnya dikenali dengan sikap toleransi yang tinggi sehingga berupaya mempamerkan suasana hidup damai bersama. Sungguhpun permasalahan hubungan sosial antara agama semakin meruncing atas pelbagai faktor, situasi ini agak berbeza dalam konteks hubungan Muslim dan Kristian di Sabah. Kajian ini bertujuan menjelaskan bagaimana interaksi sosial diterjemahkan dalam bentuk kesefahaman budaya berdasarkan hubungan bersama keluarga dan jiran/rakan beza agama. Berpandukan kajian kuantitatif, sejumlah 234 orang responden terlibat dalam kajian kes di sekitar daerah Kota Kinabalu dan Keningau. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif melalui jadualan silang dengan ujian khi kuasa dua untuk melihat taburan respon bagi pembolehubah agama. Hasil kajian mendapati tahap interaksi sosial antara Muslim dan Kristian di kawasan kajian adalah positif. Kesefahaman budaya antara kedua penganut agama begitu terserlah tidak hanya ketika sambutan majlis keramaian atau perayaan, tetapi juga dilazimi melalui aktiviti seharian. Boleh dikatakan melalui jalinan interaksi inilah yang menyuburkan amalan toleransi dan kesalingfahaman antara pihak beza agama. Nilai kasih sayang yang dibina melalui hubungan kekeluargaan dan kejiranan menggalakkan interaksi berlaku tanpa batas sehingga perbezaan fahaman antara agama dapat diminimalkan. Kajian ini merumuskan agama tidak seharusnya dilihat hanya sebagai punca dan pencetus konflik, sebaliknya turut berperanan sebagai pencetus semangat hidup bersama.

Kata kunci: Interaksi sosial, toleransi, hubungan Muslim-Kristian, keluarga beza agama, kesefahaman budaya

PENGENALAN

Sabah sering digambarkan sebagai negeri harmoni kerana keupayaan masyarakatnya mewujudkan kesatuan dalam kepelbagaian agama dan etnik. Robinson et al. (2013) menggambarkan Borneo Utara (Sabah) sebagai '*multicultural paradise*', syurga pelbagai budaya. Kekayaan budaya ini boleh ditafsirkan tidak hanya dari segi sumber khazanah budaya tradisi pelbagai etnik, tetapi juga budaya yang dicorakkan daripada sikap dan nilai-nilai positif masyarakat Sabah. Melalui amalan budaya seumpama inilah, masyarakat Sabah tanpa mengira agama masih kekal utuh mempertahankan nikmat keharmonian tanpa mudah dipengaruhi anasir luar yang cuba memecahbelah dan mengganggu gugat keharmonian. Boleh dikatakan, masyarakat Sabah mempunyai cara hidup atau *lifestyle* yang tersendiri dalam memaknai keharmonian dalam kepelbagaian agama.

Pelbagai faktor dikemukakan pengkaji sosial yang mendorong keupayaan dan kebolehcapaian kesatuan dalam kepelbagaian ini berlaku. Antaranya faktor sosiologi, Sabah disifatkan sebagai negeri yang mempunyai tahap toleransi yang tinggi (Kntayya, 2007) atas dorongan atas faktor perkahwinan campur dan diterima pakai sebagai satu kelaziman budaya (Azizah, 2004; Budi Anto, 2008); pemisahan jarak sosial yang tidak begitu luas lantaran wujud perkongsian tempat tinggal yang tidak bersifat 'pecah dan perintah' sehingga membentuk beberapa lokaliti yang bercampur antara penduduk berbeza etnik dan agama (Sabihah, 2007); serta agama tidak menggambarkan identiti etnik tertentu dan disifatkan bertindan lapis mendorong interaksi berlaku secara meluas (Hasan, 2007). Faktor perkongsian bahasa pertuturan seharian melalui penggunaan Dialek Melayu Sabah (Wong, 2012) turut berperanan sehingga menyuburkan semangat kekitaan dan hubungan akrab merentas agama. Faktor politik turut menyumbang apabila pemilihan pemimpin tanpa mengira etnik dan agama diterima dan slogan 'Sabah untuk Sabah' mendorong kerjasama mempertahankan keharmonian (Budi Anto dan Saidatul Nornis, 2020; Romzi et al., 2021).

Pengalaman sejarah dan situasi semasa yang tidak banyak berubah walaupun dipengaruhi arus kemodenan dan dunia digital, masyarakat Sabah disifatkan tetap sama dengan sikap toleran, terbuka, mudah berkompromi dan sedia berkongsi nilai-nilai budaya daripada pelbagai etnik. Berdasarkan perkongsian budaya inilah, interaksi sosial berlangsung secara meluas dan kondusif untuk pihak berbeza agama menjalin hubungan antara mereka. Sungguhpun kajian lepas banyak membincangkan faktor sosio-politik dan sosio-budaya yang mendorong interaksi positif berlaku secara meluas di Sabah, namun kajian sosio-agama yang secara khusus membincangkan hubungan Muslim-Kristian masih terhad. Justeru, kajian ini bertujuan menjelaskan bagaimana interaksi sosial diterjemahkan dalam bentuk kesefahaman budaya antara Muslim dan Kristian di Sabah. Persoalan ini akan ditelusuri melalui kajian kuantitatif secara tinjauan kajian kes yang melibatkan responden Muslim dan Kristian di daerah Kota Kinabalu dan Keningau, iaitu kawasan bandar di zon pantai barat dan pedalaman Sabah. Interaksi sosial ini ditinjau berdasarkan konteks hubungan bersama keluarga dan jiran/rakan berbeza agama yang melibatkan aktiviti seharian dan aktiviti bermusim.

KERANGKA TEORI INTERAKSI SOSIAL

Kajian ini berdasarkan teori sosiologi yang dikemukakan Bert N. Adams (1967) mengenai interaksi sosial. Menurut Adams (1967), interaksi sosial dibentuk apabila wujud jaringan sosial dan ikatan sosial yang dibina berasaskan perasaan, sentimen dan kasih sayang. Keakraban dan keintiman mempengaruhi interaksi dan jaringan sosial. Interaksi dipengaruhi faktor kesepakatan (perkongsian) nilai,

minat, kehendak dan sikap. Interaksi melibatkan hubungan sehalu dan hubungan bersifat timbal balik. Dengan lebih jelas lagi, wujud perkaitan yang signifikan antara kesepakatan, perasaan sentimen atau perasaan kasih sayang dan interaksi dalam menjelaskan hubungan sosial.

Adams (1967) selanjutnya menjelaskan interaksi sosial dibina berasaskan kewajipan dan keperluan bersama dalam satu jangka masa panjang, dan memenuhi kehendak berterusan akan melahirkan elemen positif berunsurkan kasih sayang dan ini dinamakan keprihatinan. Keprihatinan yang dibina berasaskan kehendak-keperluan-kewajipan akan menzahirkan kesepakatan dalam jaringan sosial yang melibatkan struktur ikatan kekeluargaan dan tanpa ikatan kekeluargaan (seperti persahabatan dan perkahwinan). Ikatan kekeluargaan merupakan hubungan sosial yang seringkali berlangsung secara informal dan lazimnya bersifat kerjasama. Boleh dikatakan semakin akrab ikatan kekeluargaan, maka semakin tinggi potensi interaksi dan jalinan kerjasama. Hubungan berstruktur berasaskan kekeluargaan turut memperlihatkan keakraban yang kukuh dan komunikasi bersifat lebih terbuka. Kesepakatan dan kasih sayang merupakan intipati utama interaksi sosial dalam kalangan sahabat/rakan rapat. Manakala, kasih sayang berasaskan keprihatinan merupakan ciri dominan dalam hubungan kekeluargaan.

Kajian ini turut didokong teori interaksi sosial yang dibangunkan oleh Jonathan Turner (1988). Menurut Turner (1988), interaksi sosial didefinisikan sebagai satu situasi di mana perlakuan individu mempengaruhi perlakuan individu lain dan melibatkan proses yang saling berkaitan iaitu motivasi, interaksi dan struktur. Motivasi merujuk kepada unsur yang menggerakkan individu untuk berinteraksi dengan pihak lain. Interaksi melibatkan operasi kawalan terhadap perlakuan manusia. Manakala, struktur adalah satu proses yang berulang kali berlaku di sesuatu ruang tempat dan masa tertentu. Struktur interaksi ditentukan oleh motivasi individu yang mempengaruhi aktiviti/kegiatan mereka dalam berinteraksi.

Turner (1988) selanjutnya menjelaskan interaksi sosial didorong beberapa faktor motivasi seperti hubungan timbal balik/kesalinghubungan dan pengaruh mempengaruhi (*Social exchange* Georg Simmel 1907) dan semangat solidariti (*Social solidarity* Emile Durkheim 1912). Kesalinghubungan didorong atas faktor keperluan sosial dan keperluan biologi yang dipengaruhi sumber dan kuasa. Semakin terbuka tawaran sumber (seperti kuasa, pangkat, jawatan dan penerimaan/persetujuan) yang diberikan, maka semakin tinggi potensi kesalinghubungan. Dengan kata lain, hubungan timbal balik didorong atas faktor adanya sumber kuasa yang menarik seseorang untuk berinteraksi. Durkheim pula menjelaskan interaksi berlaku atas dorongan semangat solidariti dan struktur sosial yang bersifat tinggal bersama.

Interaksi sosial juga boleh difahami melalui teori jarak sosial. Menurut Bottero dan Prandy (2003 dalam Budi Anto (2020), jarak sosial antara anggota kumpulan etnik tidak rapat sekiranya anggota kumpulan tersebut jarang bekerjasama dan hal ini juga bergantung kepada interaksi yang wujud antara mereka. Bottero selanjutnya menjelaskan stratifikasi sosial dalam anggota masyarakat yang dicirikan dengan kepelbagaian agama, bangsa, status ekonomi dan sebagainya turut mempengaruhi jarak sosial, namun jarak ini boleh menjadi rapat sekiranya wujud interaksi sosial yang dibina melalui hubungan persahabatan, perkahwinan dan tinggal bersama. Kaedah pengukuran jarak sosial yang diperkenalkan oleh (Bogardus, 1925) menekankan penerimaan individu terhadap individu lain yang berbeza etnik, agama dan negara diukur melalui label keintiman dalam hubungan seperti berjiran, berkahwin, rakan sekolah, rakan sekerja dan sebagainya.

Interaksi sosial berlaku sekiranya wujud kontak dan komunikasi sama ada melibatkan pertemuan fizikal ataupun melalui perantara media (Alfaqi, 2015). Situasi masa kini memperlihatkan interaksi sosial yang melibatkan pertemuan dan komunikasi melalui perantara media turut berlaku dalam bentuk secara bersemuka menggunakan pelbagai perisian teknologi seperti *Google meet*, *Cisco Webex*, *Facebook live*, *Microsoft team* serta pelbagai perisian lain selari dengan peredaran masa dan kecanggihan teknologi. Komunikasi merupakan dasar utama dalam interaksi sosial kerana tanpa adanya komunikasi, manusia tidak akan dapat saling memberi reaksi. Komunikasi berlangsung dalam bentuk lisan, bertulis dan perlambangan simbol-simbol seperti bahasa, pakaian, simbol keagamaan dan sebagainya.

Interaksi sosial melibatkan tiga bentuk iaitu; kerjasama, persaingan dan pertentangan (konflik). Interaksi dalam bentuk kerjasama melibatkan asimilasi dan akomodasi yang memaparkan hubungan harmoni (kerukunan), penerimaan, kebersamaan untuk mencapai tujuan yang sama. Hal ini berbeza dengan persaingan yang menggambarkan individu atau kumpulan saling berlumba untuk mencapai tujuan masing-masing tanpa mempergunakan kekerasan dan ancaman. Manakala, pertentangan atau konflik pula memaparkan situasi di mana individu atau kumpulan menggunakan elemen kekerasan untuk menghalang pihak lain sehingga boleh memecah belah dan meretakan hubungan antara mereka (Maulana Rifki, 2018).

Berdasarkan teori interaksi sosial yang dijelaskan di atas, konsep interaksi sosial boleh difahami sebagai satu proses sosial yang melibatkan komunikasi, wujud jaringan sosial atau konteks sosial yang menjadi ruang interaksi, adanya ikatan sosial, didorong faktor motivasi seperti saling mempengaruhi dan semangat solidariti serta jarak sosial mempengaruhi tahap keintiman dan sikap penerimaan antara mereka. Justeru boleh dikatakan; semakin luas ruang interaksi dan semakin intim sesuatu hubungan antara individu/kumpulan, maka semakin tinggi potensi

untuk saling berkomunikasi, dan semakin tinggi juga sikap kerjasama antara mereka. Dengan itu, teori interaksi sosial dijadikan landasan perbincangan bagi menjelaskan fokus kajian yang melibatkan interaksi bersama keluarga dan jiran/rakan beza agama dalam aktiviti seharian dan aktiviti bermusim. Dengan kata lain, hubungan dalam konteks keluarga dan berjiran/berkawan yang berbeza agama merupakan fokus perbincangan bagi meneliti kesefahaman budaya antara Muslim dan Kristian di Sabah. Selain itu, teori interaksi sosial ini juga berupaya menghuraikan bentuk-bentuk hubungan hasil daripada interaksi yang berlaku sama ada menggambarkan toleransi, kerjasama ataupun konflik. Perkara ini dijelaskan lebih lanjut dalam perbincangan mengenai konsep hubungan Muslim-Kristian serta model hubungan dan sorotan literatur.

HUBUNGAN MUSLIM-KRISTIAN

Hubungan Muslim-Kristian bukan sahaja berlangsung dalam bentuk tinggal bersama dan interaksi seharian sejak lebih daripada 14 kurun lamanya (Smith, 2007), malah begitu berpengaruh dalam mencorak masa depan keamanan sejagat (Haddad dan Smith, 2009), dan hubungan yang begitu rapat dalam aspek teologi (Suraya, 2012; Nasr, 1995). Hubungan Muslim-Kristian juga dapat dijelaskan melalui ciri persamaan dan perbezaan kedua-dua agama Islam dan Kristian. Persamaan antara keduanya dapat dilihat dari sudut pengkelasan sebagai agama samawi, iaitu agama bersandarkan wahyu daripada kitab suci yang disampaikan oleh para rasul (Goddard, 2001). Islam menganggap penganut Kristian (Nasrani) dan Yahudi sebagai 'ahli kitab' (*people of the book*) sempena nama-nama kitab suci yang menjadi sandaran kepada kedua-dua agama tersebut, iaitu Injil dan Taurat. Islam melihat kedua-dua kitab suci tersebut masih belum lengkap sepenuhnya, maka penurunan al-Quran sebagai kitab suci terakhir dalam agama samawi bertujuan menyempurnakan kedua-dua kitab suci tersebut.

Pandangan Kristian Katolik terhadap Islam, dapat difahami melalui dokumen *Nostra Aetate (The Declaration on the Relationship of the Church to non-Christian Religions)* 1965 secara umumnya menyatakan rasa penghargaan terhadap aspek moral dan ajaran agama lain (Goddard, 2001). Khusus bagi penganut Islam, *Nostra Aetate* menjelaskan, "*Further, they (Muslims) await the Day of Judgement and the reward of God following the resurrection of the dead. For this reason they highly esteem on upright life and worship God, especially by the way of prayer, almsgiving and fasting*" (Pratt, 2010). Kristian melihat terdapat persamaan beberapa amalan Islam yang turut menekankan ritual keagamaan seperti sembahyang, puasa dan zakat atau sedekah/derma, dan perkara ini harus dihormati.

Kedua-dua agama Islam dan Kristian turut menekankan persoalan moral dan akhlak yang menyeru umatnya ke arah kebaikan dan hidup harmoni. Maka, perbuatan mencuri, membunuh, berlaku kejam dan segala bentuk perbuatan jenayah adalah ditegah. Namun begitu, mekanisme kawalan sosial yang disarankan oleh kedua-dua agama Islam dan Kristian untuk mencapai matlamat kebaikan adalah berbeza. Islam menekankan undang-undang, sebaliknya agama Kristian lebih menekankan moral. Perundangan Islam yang menjadi panduan ialah al-Quran dan Hadith. Al-Quran merupakan panduan ketuhanan dan harus diseiringkan dengan mesej ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW. Manakala, moral dan etika Kristian pada dasarnya adalah berpandukan kepada *Ten Commandments* yang dinyatakan dalam Exodus (20: 1-7); Deutronomy (5:1-21) (Goddard, 1995; Suraya, 2012).

Kedua-dua agama Islam dan Kristian juga dapat dibezakan dalam aspek yang berkaitan dengan tuntutan dan batasan agama. Ajaran asas agama Kristian adalah berpusatkan kepada *Jesus Christ* seperti doktrin Inkarnasi, iaitu penjelmaan Jesus sebagai Tuhan Anak (*God the son*) yang merupakan salah satu daripada tiga oknum dalam Trinititi. Ajaran Kristian selanjutnya berkaitan dengan peristiwa penyaliban Jesus dan kebangkitan semula Jesus, dan peristiwa ini diperingati melalui sambutan *Good Friday* atau *Easter*. Jesus turut mengajar konsep kasih sayang kepada Tuhan dan kepada manusia dan seluruh ciptaan lain. Jesus menyeru, "*Always treat others as you would like them to treat you*" (Matthew 7:12) (Mohd. Kamal dan Ghazali, 2006). Seruan Jesus ini merupakan tuntutan agama Kristian yang mengkehendaki penganutnya mematuhi dua rukun utama iaitu, cintailah Tuhan dengan sepenuh hati dan cintailah jiranmu seperti kamu mencintai diri sendiri (Suraya, 2012).

Sementara itu, ajaran Islam dibina berasaskan konsep akidah, syariah dan akhlak. Akidah menekankan keimanan yang bersifat teoretikal berasaskan prinsip Tauhid yang dirangkumkan dalam rukun iman dan rukun Islam. Syariah merupakan tuntutan perlaksanaan praktikal yang berkaitan dengan suruhan dan larangan yang terkandung dalam rukun Islam seperti pengucapan syahadah, perlaksanaan solat, puasa, zakat dan haji. Akhlak merupakan adab dan perkara moral yang dimanifestasikan daripada budi pekerti, sifat dan perlakuan Nabi Muhammad SAW dan wajib dicontohi oleh seluruh umat Islam. Salah satu daripada komponen akhlak dalam Islam ialah konsep *Rahmatan lil 'Alamin* yang bermaksud kasih sayang kepada seluruh alam manusia (Mohd Nazmi et al., 2020). Tuntutan untuk saling berkasih sayang dalam ajaran Islam dan Kristian merupakan antara faktor yang mendorong interaksi sosial mudah berlaku. Justeru, kajian ini bertujuan meninjau sejauh mana nilai kasih sayang dan sikap kerjasama berlangsung dalam interaksi sosial antara Muslim dan Kristian di Sabah.

MODEL HUBUNGAN MUSLIM-KRISTIAN

Hubungan Muslim-Kristian memfokuskan pendekatan *'religious truth claim'*, iaitu menegakkan kebenaran yang cenderung mengheret kepada 'perdebatan' kerana mempertahankan kemutlakan kebenaran. Hugh Goddard (2008) mengetengahkan model hubungan Muslim-Kristian berasaskan dua bentuk; konflik/antagonis dan kerjasama/interaksi positif. Al-Quran menghormati kepelbagaian agama berasaskan kepelbagaian bangsa ciptaan Tuhan untuk saling kenal mengenali (*al-Hujurat* 49: 13). Ayat ini menggalakkan hubungan positif melalui jalinan perkenalan yang merupakan langkah pertama dalam apa pun bentuk hubungan yang dibina (Saritoprak, 2008). Pengiktirafan al-Quran terhadap kewujudan agama lain dan perbezaan tradisi agama mengikut kepercayaan masing-masing dinyatakan Surah *al-Kafirun* (109:6) yang bermaksud, "*bagi kamu agama kamu, bagi kami agama kami*" (Khadijah & Mohd Herzali, 2008). Manakala, Bible dalam kitab *Genesis* menyatakan Tuhan telah menciptakan seluruh umat manusia dalam bentuk imej Tuhan (*Genesis* 1:26-27). Ayat ini menjelaskan semua manusia tanpa mengira agama adalah ciptaan Tuhan dan atas sebab itu mereka harus dihormati dan diberi penilaian tinggi.

Model hubungan Muslim-Kristian yang kedua adalah berasaskan sumber sejarah Islam dan Kristian (Goddard, 2008). Berdasarkan model ini, hubungan Muslim-Kristian digambarkan bersifat konfrontasi dan antagonis dan sejarah menunjukkan contoh yang begitu jelas, iaitu Perang Salib pada penghujung abad ke-11 (5H). Dalam situasi berbeza, hubungan Muslim-Kristian turut memaparkan toleransi, kerjasama dan hubungan persahabatan (Mun'im A. Sirry, 2005). Misalnya, interaksi Rasulullah SAW yang bertoleransi terhadap bukan Muslim di Madinah dan dicontohi para sahabat, antaranya Khalifah Umar al-Khattab pada tahun 638M membenarkan orang Yahudi kembali semula ke Jerusalem selepas mereka dihalau oleh Kerajaan Rom sejak tahun 132M (El-Awaisi, 2012). Di bawah pemerintahan Salahuddin al-Ayyubi (1187M), masyarakat Kristian dan Yahudi diberi jaminan keselamatan menggunakan rumah ibadah mereka. Situasi yang sama berlaku di Sepanyol semasa pemerintahan Islam bermula dari 711M sehingga kejatuhan Granada 1492M, iaitu satu jangkamasa yang memperlihatkan keharmonian hidup bersama ketiga-tiga agama – Yahudi, Kristian dan Muslim (El-Awaisi, 2012).

Toleransi turut ditunjukkan pihak Kristian terhadap Muslim. Emmett (2009) menyatakan beberapa contoh antaranya, Kristian Ortodoks mendermakan sebidang tanah untuk pembinaan masjid di Bethelehem, sikap kerjasama Kristian Methodist di Fermont, California membenarkan pembinaan masjid bersebelahan dengan gereja dan sikap gereja Ortodoks Greek di Chicago membenarkan Muslim membeli gereja untuk ditukarkan kepada masjid (Suraya et al., 2013).

Tanpa adanya sikap toleransi, nescaya usaha untuk tinggal bersama secara aman harmoni sukar direalisasikan. Berdasarkan model hubungan Muslim-Kristian yang kadang-kala bersifat toleransi dan konfrantasi, maka kajian tinjauan ini dijalankan bagi mengenal pasti model yang manakah dapat diperhatikan dalam interaksi sosial antara Muslim dan Kristian di Sabah.

SOROTAN LITERATUR

Terdapat beberapa kajian di Sabah yang membincangkan hubungan Muslim dan Kristian, namun masih begitu terhad. Abd Hakim et al. (2017) membincangkan pendirian komuniti Kristian selepas larangan penggunaan kalimah Allah. Hasil kajian menunjukkan hubungan kedua-duanya masih kekal positif dan tidak terdapat reaksi negatif sehingga menjejaskan hubungan seharian. Kajian Suraya et al. (2013) mengetengahkan pendekatan dialog berhikmah sebagai satu mekanisme perdamaian bagi meleraikan ketegangan yang berlaku dalam hubungan saudara baru dengan keluarga bukan Islam. Kajian lain Suraya et al. (2019) membincangkan indikator kesepaduan sosial yang dibina melalui tinggal bersama, sambutan perayaan dan menghadiri upacara pengebumian. Hasil kajian menunjukkan sambutan perayaan dan menghadiri upacara pengebumian mencatatkan sikap penerimaan tertinggi daripada kedua-dua responden Muslim dan bukan Muslim. Sungguhpun kajian sedia ada mengenai hubungan Muslim dan bukan Muslim telah dijalankan, namun kajian tersebut hanya melibatkan dua daerah di pedalaman Sabah, iaitu Tenom dan Tambunan dan kajian tersebut tidak menjelaskan kesefahaman budaya yang berlangsung melalui interaksi sosial antara Muslim dan Kristian yang ditinjau secara perbandingan di kawasan bandar Kota Kinabalu dan kawasan pedalaman di Keningau, Sabah.

Hubungan Muslim-Kristian sering diungkapkan daripada perspektif sejarah (Siddiqui, 1997); Goddard, 2001) dan potensi kedua-dua agama Islam dan Kristian sebagai agen keharmonian (Cherian, 2019); (Muhammad, 2018). Dalam konteks Malaysia, hubungan Muslim-Kristian bersifat turun-naik bergantung kepada isu yang dipapar dan diperhangatkan media (Abdul Hakim et al., 2019). Hubungan Muslim-Kristian menurut Abdul Hakim et al. (2019) bersifat *superior-inferior*, namun tanggapan ini mungkin boleh diterima pakai dalam konteks masyarakat di Semenanjung Malaysia. Sebaliknya, kajian (Suraya, 2014) mendapati keakraban hubungan kedua-dua agama ini begitu ketara apabila mereka saling berinteraksi dan tinggal bersama dalam kawasan perkampungan dan penempatan yang sama serta mempunyai ikatan kekeluargaan yang dibina melalui perkahwinan campur (Suraya dan Budi Anto, 2016).

Kajian hubungan Muslim-Kristian di Malaysia turut dibincangkan dengan mengetengahkan elemen toleransi beragama seperti (Roslizawati et al., 2018) dan

hasil kajian menunjukkan amalan toleransi di Malaysia telah mendiskriminasikan golongan bukan Islam. Kajian toleransi beragama turut dijalankan Fazilah Idris et al. (2019) dan Muhammad Ridhuan et al. (2016), namun kajian sedia ada tidak secara khusus membincangkan toleransi beragama yang melibatkan hubungan Muslim-Kristian dan lokasi kajian hanya tertumpu di Semenanjung Malaysia yang melibatkan responden Melayu, Cina dan India. Tentunya kajian lain diperlukan di lokasi kajian yang berbeza dengan pemilihan responden dari kalangan etnik pribumi di Malaysia Timur bagi membincangkan persamaan dan perbezaan hasil kajian. Sungguhpun terdapat kajian mengenai pengaruh agama dalam interaksi dan toleransi etnik di Sabah oleh Budi Anto (2008), namun kajian ini tidak membincangkan hubungan Muslim dan Kristian. Kajian tersebut hanya melibatkan responden pelajar dan bukan masyarakat awam. Justeru kajian ini memilih daerah Keningau (zon pedalaman) dan Kota Kinabalu (zon pantai barat) dengan memfokuskan perbincangan aktiviti sosial antara responden Muslim dan Kristian.

Hasil kajian terdahulu mendapati hubungan Muslim-Kristian di Malaysia masih kekal positif berdasarkan sikap toleransi dan kerjasama yang ditunjukkan daripada pergaulan dan kesediaan kedua-dua penganut untuk sama-sama melibatkan diri dalam aktiviti sosial. Namun begitu, isu-isu hangat yang ditularkan melalui media sosial sekiranya tidak dikawal dan ditangani dengan bijak dan berhemah, berpotensi mempengaruhi dan mencetuskan ketegangan. Boleh dikatakan hubungan Muslim-Kristian dalam konteks Malaysia disifatkan stabil namun akan sedikit bergolak sekiranya terdapat isu yang digembar-gemburkan media sosial. Justeru, memperbanyakkan ruang interaksi sosial sama ada interaksi seharian mahupun interaksi bermusim (seperti perayaan dan majlis keramaian) merupakan antara pendekatan untuk mempertingkatkan semangat kerjasama dan solidariti antara agama. Dengan itu, kajian tinjauan ini dijalankan bagi mengenalpasti kesefahaman budaya antara kedua-dua penganut dalam interaksi sosial yang melibatkan hubungan keluarga dan rakan/jiran berbeza agama.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan metode kuantitatif yang melibatkan kaedah tinjauan mengenai interaksi sosial dalam hubungan Muslim dan Kristian bersama keluarga dan jiran/rakan beza agama. Lokasi kajian adalah berdasarkan kedudukan responden yang berada di Kota Kinabalu dan Keningau. Pemilihan lokasi kajian adalah berdasarkan penganutan agama penduduk yang bercampur antara Muslim dan Kristian dan kawasan penempatan yang didiami majoriti etnik pribumi Sabah serta kawasan yang mencatatkan keluarga beza agama yang tinggi hasil daripada perkahwinan campur. Soal selidik ini diedarkan berdasarkan

kaedah secara bersemuka dan secara tidak bersemuka dengan menggunakan *Google form*. Walaupun menggunakan dua kaedah edaran yang berbeza, namun responden mengisi sendiri borang soal selidik tanpa perlu dipandu kerana soal selidik yang dibangunkan adalah *self-administered questionnaire*.

Sejumlah 234 borang soal selidik telah diedarkan di kawasan yang dipilih. Data yang diperolehi kemudian dianalisis menggunakan perisian *IBM Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 26.0. Seterusnya diproses menggunakan statistik deskriptif melalui jadualan silang (*crosstab*) dengan ujian khi kuasa dua (*chi-square test*) untuk melihat taburan respon bagi pembolehubah agama antara responden Muslim dan Kristian dalam dua situasi yang melibatkan hubungan bersama keluarga dan jiran/rakan beza agama.

Pembinaan item soal selidik ini diubah suai daripada beberapa kajian lepas (Suraya et al. 2019; A. Tarmizi et al., 2013). Soal selidik ini mempunyai tiga bahagian, iaitu bahagian A: Demografi responden, bahagian B: Sikap bersama keluarga beza agama, bahagian C: Sikap bersama jiran/rakan beza agama. Tujuannya adalah mengenal pasti bentuk interaksi sosial daripada dua pihak yang berbeza agama (Muslim dan Kristian). Soalan pada bahagian B dan C mengandungi beberapa item yang menggunakan skala *Likert* antara 1 hingga 5 (skala 1 adalah sangat tidak bersetuju dan skala 5 adalah sangat bersetuju). Kedua-dua bahagian ini mempunyai 8 item yang terdiri daripada beberapa aspek interaksi yang melibatkan aktiviti harian dan bermusim/berkala. Kesemua ini dianalisis berdasarkan responden Muslim dan Kristian mengikut konteks hubungan bersama keluarga dan jiran/rakan beza agama.

DAPATAN KAJIAN

Jadual 1 adalah demografi responden yang diperolehi sepanjang kajian dijalankan. Seramai 234 responden yang terdiri daripada Muslim dan Kristian berdasarkan daerah yang dipilih. Jadual 1 menunjukkan kebanyakan berumur 21 – 30 tahun dengan jumlah 149 orang (63.68%). Manakala jantina, responden perempuan adalah lebih ramai berjumlah 154 orang (65.81%) berbanding responden lelaki berjumlah 80 orang (34.12%). Bagi status perkahwinan, responden bujang lebih ramai 134 orang (57.26%) berbanding responden yang sudah berkahwin, 94 orang (40.17%) dan 6 orang (2.56%) responden balu/janda/cerai. Bagi etnik pula, responden Kadazan/Dusun adalah tertinggi, iaitu 120 orang (51.28%) berbanding etnik-etnik lain. Dari segi agama, Islam seramai 118 orang (50.43%) dan Kristian 116 orang (49.57%). Daerah menetap responden, majoritinya dari daerah Keningau 132 orang (56.4%) dan Kota Kinabalu 102 orang (43.59%).

Jadual 1: Bahagian A: Demografi Responden

Perkara	Bilangan	Peratus (%)
Umur (tahun)		
1. 21 – 30	149	63.68
2. 31 – 40	42	17.95
3. 41 – 50	19	8.12
4. 51 – 60	19	8.12
5. >60	5	2.14
Jantina		
1. Lelaki	80	34.12
2. Perempuan	154	65.81
Status perkahwinan		
1. Bujang	134	57.26
2. Berkahwin	94	40.17
3. Balu/Janda/Cerai	6	2.56
Etnik		
1. Kadazan/Dusun	122	52.14
2. Suluk	4	1.71
3. Jawa	2	0.85
4. Cina	2	0.85
5. Brunei/Kedayan	10	4.27
6. India	1	0.43
7. Sungei	4	1.71
8. Bugis	13	5.56
9. Bajau	33	14.10
10. Murut	25	10.68
11. Rungus	3	1.28
12. Lain-lain	13	6.41
Agama		
1. Islam	118	50.43
2. Kristian	116	49.57
Daerah menetap		
1. Keningau	132	56.41
2. Kota Kinabalu	102	43.59
Jumlah keseluruhan	234	100%

Sumber: Soal Selidik 2020

Jadual 2: Bahagian B: Respon Muslim dan Kristian dalam aktiviti sosial bersama keluarga beza agama

Bil	Pernyataan		Muslim			Kristian		
			Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju
B1	Menghadiri majlis keramaian keluarga beza agama*	N	11	18	89	1	9	106
		%	9.3	15.3	75.4	0.9	7.8	91.4
B2	Memberi kebenaran keluarga beza agama melaksanakan ibadah/ritual di rumah*	N	44	23	51	7	7	102
		%	37.3	19.5	43.2	6.0	6.0	87.9
B3	Menyediakan ruangan untuk keluarga berbeza agama melaksanakan ibadah/ritual di rumah*	N	27	35	56	11	9	96
		%	22.9	29.7	47.5	9.5	7.8	82.8
B4	Menyediakan makanan atau barangan yang bersesuaian dengan agama keluarga	N	8	10	100	1	8	107
		%	6.8	8.5	84.7	0.9	6.9	92.2
B5	Menyambut perayaan beza agama (Hari Raya/Krismas)*	N	10	8	100	1	1	114
		%	8.5	6.8	84.7	0.9	0.9	98.3
B6	Menghormati anutan agama masing-masing dalam keluarga beza agama.*	N	11	7	100	1	2	113
		%	9.3	5.9	84.7	0.9	1.7	97.4
B7	Makan semeja bersama keluarga beza agama*	N	7	17	94	3	7	106
		%	5.9	14.4	79.7	2.6	6.0	91.4
B8	Menyertai aktiviti <i>moginum</i> semasa majlis keramaian*	N	38	18	62	6	16	94
		%	32.2	15.3	52.5	5.2	13.8	81.0

*Hubungan antara dua kategori adalah signifikan pada aras keertian $\alpha=0.05$ berdasarkan ujian khi kuasa dua.
 Sumber: Soal Selidik 2020

Jadual 2 menunjukkan respon Muslim dan Kristian terhadap lapan item berkaitan aktiviti sosial bersama keluarga beza agama. Ujian khi kuasa dua digunakan untuk menguji sama ada agama responden mempunyai kaitan dengan respon yang mereka berikan ke atas lapan pernyataan tersebut. Hasil kajian mendapati ujian khi kuasa dua yang bererti (signifikan) adalah pada B1 ‘menghadiri majlis keramaian keluarga beza agama’, $X^2=12.799$, $df=2$, $p=0.002$, B2 ‘memberi kebenaran keluarga beza agama untuk melaksanakan ibadah/ritual di rumah’, $X^2=52.363$, $df=2$, $p<0.001$, B3 ‘menyediakan ruangan untuk keluarga beza agama melaksanakan ibadah/ritual di rumah’, $X^2=32.612$, $df=2$, $p<0.001$, B5 ‘menyambut perayaan beza agama (Hari Raya/Krismas)’, $X^2=13.708$, $df=2$, $p=0.001$, B6 ‘menghormati anutan agama masing-masing dalam keluarga beza agama $X^2=11.888$, $df=2$, $p=0.003$, B7 ‘makan semeja bersama keluarga berbeza agama’, $X^2=6.470$, $df=2$, $p=0.039$, B8 ‘menyertai aktiviti *moginum* semasa majlis keramaian’, $X^2=29.940$, $df=2$, $p<0.001$. Responden Kristian lebih ramai memilih ‘setuju’ pada item-item signifikan berbanding responden Muslim. Hal ini

menunjukkan responden Kristian lebih terbuka dalam aktiviti sosial yang melibatkan hubungan bersama keluarga beza agama.

Merujuk item B2 dan B8, responden Muslim yang memilih ‘tidak setuju’ lebih ramai berbanding responden Kristian. Kedua-dua item ini adalah berkaitan dengan batasan agama yang menyentuh persoalan ibadah dan akidah. Dapatan kajian menunjukkan sesetengah responden Muslim merasa ragu-ragu untuk membenarkan penganut agama lain melaksanakan ritual agama di kediaman mereka. Perkara ini telah dijelaskan oleh sarjana Islam mengenai interaksi yang melibatkan akidah dengan bukan Muslim. Pendapat pertama seperti Imam Syihabuddin ar-Ramli, Imam Ibn Hajar al-Haitami dan para ulama mazhab Syafie menyatakan haram sekiranya terdapat patung-patung sembah (Ar-Ramli, t.t.). Kedua, makruh seperti Imam Bahuti dari mazhab Hambali kerana melibatkan patung-patung sembah yang menyebabkan malaikat enggan masuk ke rumah (Mansur, 1982). Ketiga, pandangan yang mengatakan harus seperti Imam Khatib al-Syarbini jika ritual atau penyembahan tersebut tidak didapati patung atau alatan sembah mereka (bukan Muslim) (Al-Sharbini, 1958). Item B8 pula semestinya pengharaman meminum ataupun menyertai aktiviti *moginum* bersama keluarga bukan Muslim adalah salah dalam Islam. Ini kerana, *moginum* adalah amalan yang lazimnya diadakan oleh bukan Muslim kerana minuman yang disediakan adalah minuman memabukkan seperti *lihing* atau tuak yang dibuat sendiri. Oleh sebab itu, sebahagian pihak Muslim memilih untuk tidak bersetuju jika amalan *moginum* diadakan sewaktu majlis keramaian kerana tertakluk dengan hukum halal dan haram.

Jadual 3: Bahagian C: Respon Muslim dan Kristian dalam aktiviti sosial bersama jiran/rakan beza Agama

Bil	Pernyataan		Muslim			Kristian		
			Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju
C1	Menghadiri majlis keramaian jiran/rakan beza agama	N	7	16	95	7	16	93
		%	5.9	13.6	80.5	5.9	13.6	80.2
C2	Memberi kebenaran jiran/rakan beza agama melaksanakan ibadah/ritual di rumah	N	27	17	74	27	17	72
		%	22.9	14.4	62.7	22.9	14.4	62.1
C3	Menyediakan ruangan untuk jiran/rakan beza agama melaksanakan ibadah/ritual di rumah	N	26	16	76	26	16	74
		%	22.0	13.6	64.4	22.0	13.6	63.8
C4	Menyediakan makanan atau barangan yang bersesuaian dengan jiran/rakan beza agama*	N	28	10	80	28	10	95
		%	23.7	8.5	67.8	23.7	8.5	81.9
C5	Menyambut perayaan berbeza	N	2	3	113	2	3	111

agama (Hari Raya/ Krismas)			%	1.7	2.5	95.8	1.7	2.5	95.7
C6	Menghormati anutan agama jiran/rakan beza agama*	N		16	23	79	16	23	109
		%		13.6	19.5	66.9	13.6	19.5	94.0
C7	Makan semeja bersama jiran/rakan beza agama	N		7	12	99	7	12	97
		%		5.9	10.2	83.9	5.9	10.2	83.6
C8	Menyertai aktiviti <i>moginum</i> semasa majlis keramaian*	N		58	18	42	58	18	67
		%		49.2	15.3	35.6	49.2	15.3	57.8

*Hubungan antara dua kategori adalah signifikan pada aras keertian $\alpha=0.05$ berdasarkan ujian khi kuasa dua.
 Sumber: Soal Selidik 2020

Jadual 3 menunjukkan respon Muslim dan Kristian terhadap lapan item aktiviti sosial bersama jiran/rakan beza agama. Ujian khi kuasa dua digunakan untuk menguji sama ada agama responden mempunyai kaitan dengan respon yang mereka berikan. Hasil kajian mendapati hanya terdapat tiga item sahaja yang menunjukkan item bererti (signifikan), iaitu pada item C4 ‘Menyediakan makanan atau barangan yang bersesuaian dengan jiran/rakan beza agama’, $X^2: 22.497$, $df=2$, $P<0.001$, C6 ‘menghormati anutan agama jiran/rakan beza agama’, $X^2=27.037$, $df=2$, $p<0.001$, dan C8 ‘menyertai aktiviti *moginum* semasa majlis keramaian’, $X^2=11.725$, $df=2$, $p=0.003$. Dapatan item yang bererti (signifikan) pada jadual 3 masih menyatakan respon setuju adalah daripada responden Kristian sebagaimana jadual 2.

Jadual 2 dan 3 menunjukkan aktiviti sosial bersama keluarga beza agama (item B) dan jiran/rakan beza agama (item C). Pernyataan yang diberikan adalah sama namun berbeza dari sudut konteks hubungan. Secara perbandingan, kedua-dua responden bersetuju memilih item B5 dan C5 ‘menyambut perayaan berbeza agama (Hari Raya/Krismas)’ sebagai pilihan aktiviti sosial yang melibatkan hubungan bersama keluarga dan jiran/rakan beza agama. Jawapan terkumpul bagi responden Muslim pada item B5 berjumlah 100 orang (84.7%) dan C5 seramai 113 orang (95.8%). Manakala bagi responden Kristian, item B5 berjumlah 114 orang (98.3%) dan C5 seramai 111 orang (95.7%). Perkara ini membuktikan sambutan perayaan bersama merupakan satu situasi yang dilazimi dalam masyarakat Sabah tanpa mengira agama. Dapatan kajian ini selari dengan beberapa kajian awal yang menjelaskan apabila tiba musim perayaan sama ada yang melibatkan hubungan keluarga mahupun jiran/rakan beza agama akan disambut bersama (Suraya et al., 2019; A. Tarmizi et al., 2013).

Hasil kajian menunjukkan bentuk interaksi antara Muslim dan Kristian sama ada hubungan bersama keluarga mahupun jiran/rakan beza agama adalah positif berdasarkan pilihan jawapan bagi skala setuju. Responden Kristian lebih terbuka dalam aktiviti sosial yang dinyatakan. Bagi responden Muslim, walaupun

terdapat sebahagian item yang tidak dipersetujui disebabkan tertakluk kepada persoalan akidah dan hukum syariat Islam, namun mereka tidak menafikan atau menolak sepenuhnya untuk meraih kebersamaan ini menerusi aktiviti sosial bersama keluarga dan jiran/rakan berbeza agama.

Jadual 4: Bahagian B: Respon Muslim dan Kristian dalam aktiviti sosial bersama keluarga berbeza agama mengikut daerah

Bil	Pernyataan		Keningau			Kota Kinabalu		
			Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju
B1	Menghadiri majlis keramaian keluarga beza agama	N	11	18	103	1	9	92
		%	4.7	7.7	44.1	0.4	3.8	39.4
B2	Memberi kebenaran keluarga beza agama melaksanakan ibadah/ritual di rumah*	N	44	23	65	7	7	88
		%	18.8	9.8	27.8	3.0	3.0	37.6
B3	Menyediakan ruangan untuk keluarga beza agama melaksanakan ibadah/ritual di rumah*	N	27	35	70	11	9	82
		%	11.5	15.0	29.9	4.7	3.8	35.0
B4	Menyediakan makanan atau barangan yang bersesuaian untuk keluarga beza agama	N	8	10	114	1	8	93
		%	3.5	4.3	48.7	0.4	3.4	39.7
B5	Menyambut perayaan beza agama (Hari Raya/Krismas)*	N	10	8	114	1	1	100
		%	4.3	3.4	48.7	0.4	0.4	42.7
B6	Menghormati anutan agama keluarga beza agama*	N	11	7	114	1	2	99
		%	4.7	3.0	48.7	0.4	0.9	42.3
B7	Makan semeja bersama keluarga beza agama	N	7	17	108	3	7	92
		%	3.0	7.3	46.1	1.3	3.0	39.3
B8	Menyertai aktiviti <i>moginum</i> semasa majlis keramaian*	N	38	18	76	6	16	80
		%	16.2	7.7	32.5	2.6	6.8	71.8

*Hubungan antara dua kategori adalah signifikan pada aras keertian $\alpha=0.05$ berdasarkan ujian khi kuasa dua.
 Sumber: Soal Selidik 2020

Jadual 4 menunjukkan respon Muslim dan Kristian terhadap lapan item berkaitan aktiviti sosial bersama keluarga beza agama mengikut daerah Keningau dan Kota Kinabalu. Ujian khi kuasa dua digunakan untuk menguji sama ada lokasi responden mempunyai kaitan dengan respon yang mereka berikan ke atas lapan pernyataan tersebut. Hasil kajian mendapati ujian khi kuasa dua yang bererti (signifikan) adalah pada B2 ‘memberi kebenaran keluarga beza agama melaksanakan ibadah/ritual di rumah’, $X^2=37.580$, $df= 4$, $p<0.001$, B3 ‘menyediakan ruangan untuk keluarga beza agama melaksanakan ibadah/ritual di rumah’, $X^2= 26.430$, $df= 4$, $p< 0.001$, B5 ‘menyambut perayaan berbeza agama (Hari Raya/Krismas)’, $X^2= 11.203$, $df= 4$, $p=0.024$, B6 ‘menghormati anutan agama keluarga beza agama’, $X^2=23.405$, $df=4$, $p<0.001$, B8 ‘menyertai

aktiviti *moginum* semasa majlis keramaian’, $X^2=27.117$, $df=4$, $p<0.001$. Jumlah maklum balas ‘setuju’ pada item-item bererti (signifikan) adalah sama banyak mengikut daerah Keningau dan Kota Kinabalu.

Manakala bagi pilihan jawapan tidak setuju yang bererti (signifikan), daerah Keningau lebih tinggi berbanding Kota Kinabalu terutama item B2 dan B8. Hal ini menunjukkan masyarakat di bahagian pedalaman khususnya Keningau sebahagiannya tidak bersetuju untuk memberi kebenaran kepada ahli keluarga berbeza agama melaksanakan ibadah di rumah dan menyertai aktiviti *moginum* dalam majlis keramaian. Boleh dikatakan, masyarakat di Keningau bersikap berhati-hati dalam hal-hal tuntutan dan larangan agama berbanding di kawasan Kota Kinabalu yang bersikap lebih terbuka. Walau bagaimanapun, hubungan masyarakat di kedua-dua daerah tersebut masih menunjukkan hubungan positif dalam mengimbangi hidup damai bersama keluarga beza agama.

Jadual 5: Bahagian C: Respon Muslim dan Kristian dalam aktiviti sosial bersama jiran/rakan berbeza agama mengikut daerah

Bil	Pernyataan		Keningau			Kota Kinabalu		
			Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju
C1	Menghadiri majlis keramaian jiran/rakan beza agama	N	7	16	109	5	18	79
		%	3.0	6.8	46.5	2.1	7.7	33.7
C2	Memberi kebenaran jiran/rakan beza agama melaksanakan ibadah/ritual di rumah	N	27	17	88	27	17	58
		%	11.5	7.3	37.6	11.5	7.3	24.8
C3	Menyediakan ruangan untuk jiran/rakan beza agama melaksanakan ibadah/ritual di rumah	N	26	16	90	26	16	60
		%	11.1	6.8	38.4	11.1	6.8	25.6
C4	Menyediakan makanan atau barangan yang bersesuaian untuk jiran/rakan beza agama*	N	28	10	94	4	17	81
		%	12	4.3	40.2	1.7	7.3	34.6
C5	Menyambut perayaan berbeza agama (Hari Raya/ Krismas)	N	2	3	127	1	4	97
		%	0.8	1.3	54.2	0.4	1.7	41.4
C6	Menghormati anutan agama jiran/ rakan beza agama.*	N	16	23	93	3	4	95
		%	6.8	9.8	39.8	1.3	1.7	40.6
C7	Makan semeja bersama jiran/ rakan berbeza agama	N	7	12	113	6	13	83
		%	3.0	5.1	48.3	2.6	5.6	35.5
C8	Menyertai aktiviti <i>moginum</i> semasa majlis keramaian*	N	58	18	56	39	10	53
		%	24.8	7.7	23.9	16.6	4.3	22.6

*Hubungan antara dua kategori adalah signifikan pada aras keertian $\alpha=0.05$ berdasarkan ujian khi kuasa dua.
 Sumber: Soal Selidik 2020

Jadual 5 menunjukkan respon Muslim dan Kristian mengikut daerah Keningau dan Kota Kinabalu terhadap lapan item berkaitan aktiviti sosial yang melibatkan hubungan bersama jiran/rakan beza agama. Ujian khi kuasa dua digunakan untuk menguji sama ada lokasi responden mempunyai kaitan dengan respon yang mereka berikan ke atas lapan pernyataan tersebut. Hasil kajian mendapati hanya terdapat tiga item sahaja yang menunjukkan item bererti (signifikan), iaitu pada item C4 'menyediakan makanan atau barangan yang bersesuaian kepada jiran/rakan' beza agama, $X^2=20.489$, $df=4$, $p<0.001$, C6 'Menghormati anutan agama jiran/rakan beza agama', $X^2=27.337$, $df=4$, $p<0.001$, dan C8 'menyertai aktiviti *moginum* semasa majlis keramaian', $X^2=24.813$, $df=4$, $p< 0.001$. Item yang bererti (signifikan) pada jadual 5 masih menyatakan responden Muslim dan Kristian di dua daerah tersebut adalah positif.

Jadual 5 turut menunjukkan daerah Keningau mencatatkan pilihan jawapan tidak setuju yang bererti (signifikan) lebih tinggi berbanding Kota Kinabalu pada item C4, C6 dan C8. Dalam hubungan jiran/rakan berbeza agama, masyarakat Keningau sebahagiannya tidak bersetuju untuk menyediakan makanan atau barangan, menghormati anutan agama dan menyertai aktiviti *moginum*. Hal ini menunjukkan situasi yang sama dalam hubungan keluarga beza agama (jadual 4), iaitu masyarakat di Keningau menunjukkan sikap berhati-hati dalam perkara tuntutan dan larangan agama berbanding kawasan Kota Kinabalu yang lebih bersikap terbuka. Namun begitu, hubungan masyarakat di kedua-dua daerah masih menunjukkan hubungan positif dalam mengimbangi hidup damai bersama jiran/rakan beza agama.

Hasil kajian kes di Kota Kinabalu dan Keningau menunjukkan aktiviti sosial bersama keluarga dan jiran/rakan beza agama adalah positif. Walaupun terdapat perbezaan pilihan jawapan yang bererti (signifikan) pada item-item tertentu daripada responden Muslim dan Kristian (jadual 2 dan 3), dan daerah Keningau dan Kota Kinabalu (jadual 4 dan 5), secara keseluruhannya hubungan Muslim-Kristian tidak menunjukkan jurang perbezaan yang jauh.

PERBINCANGAN

Hasil kajian menjelaskan perbezaan agama antara Muslim dan Kristian yang melibatkan kajian kes di daerah Kota Kinabalu dan Keningau tidak menghalang interaksi berlangsung secara meluas dalam pelbagai aktiviti sosial. Boleh dikatakan melalui jalinan interaksi tanpa batas agama inilah yang mendorong dan menyuburkan amalan toleransi dan kesalingfahaman antara pihak berbeza agama. Dapatan kajian ini selari dengan hasil kajian Suraya et al. (2019) di daerah Tenom dan Tambunan yang menyatakan, "masyarakat pribumi di

pedalaman Sabah sememangnya melazimi amalan bertoleransi dan cenderung mewujudkan hubungan positif dalam perkara yang melibatkan hubungan antara agama.” Ini kerana masyarakat pribumi di pedalaman Sabah yang meliputi daerah Keningau, Tenom dan Tambunan kebanyakannya adalah daripada kalangan etnik yang sama, iaitu Kadazan/Dusun, Murut dan Rungus yang pada hakikatnya mempunyai identiti budaya yang hampir serupa. Masyarakat pribumi ini juga mengamalkan perkahwinan campur rentas agama dan etnik secara berleluasa sehingga melahirkan etnik campuran yang dikenali sebagai Sino, iaitu hasil perkahwinan antara etnik pribumi dengan Cina (Suraya dan Budi Anto, 2016). Maka tidak menghairankan sekiranya masyarakat pribumi di pedalaman Sabah mempunyai sikap dan cara hidup yang sama, iaitu bertoleransi dalam menjalinkan interaksi tanpa dibatasi fahaman agama yang berbeza. Sesungguhnya, kesefahaman budaya antara pihak berbeza agama di pedalaman Sabah dapat dibuktikan berdasarkan hasil kajian lepas (daerah Tenom dan Tambunan) dan kajian ini (daerah Keningau).

Penonjolan sikap positif kedua-dua penganut turut dapat dilihat di daerah Kota Kinabalu yang terletak di bahagian pantai barat Sabah dan merupakan kawasan bandar dan ibu negeri Sabah. Penemuan baru ini mempamerkan hasil kajian yang hampir serupa dengan kajian lepas di pedalaman Sabah. Justeru, boleh dikatakan masyarakat Sabah di mana pun mereka berada, tidak menjadikan perbezaan agama sebagai penghalang yang membatasi interaksi antara mereka. Salah satu faktor yang mendorong situasi ini berlaku sebagaimana dinyatakan Budi Anto (2008) dan Sabihah (2007) ialah ciri demografi di kebanyakan kawasan di Sabah memperlihatkan komposisi etnik dan agama yang bercampur sama ada di kawasan bandar mahupun luar bandar. Percampuran ini membolehkan proses sosialisasi berlaku sejak zaman kanak-kanak di peringkat sekolah sehingga ke peringkat dewasa di tempat kerja dan premis niaga (Suraya, 2012). Tentunya interaksi sosial sebegini yang berlangsung dalam ruang waktu dan tempat yang lebih luas membolehkan kesefahaman budaya antara pihak berbeza agama berlaku secara semulajadi, tanpa paksaan dan tanpa perancangan aktiviti sosial yang diadakan secara berstruktur.

Berlandaskan teori interaksi sosial, kajian ini menjelaskan kedua-dua pihak (Muslim dan Kristian) menjalinkan interaksi sosial dalam aktiviti harian, bermusim dan aktiviti sosio-agama yang tidak terhad dalam ruang lingkup keluarga beza agama tetapi juga bersama jiran/rakan beza agama. Teori interaksi sosial yang menjelaskan hubungan keluarga diikat dengan nilai kasih sayang dan keprihatinan dapat dibuktikan melalui hubungan keluarga beza agama daripada pihak Muslim dan Kristian. Boleh dikatakan nilai kasih mengasihi sesama manusia dan nilai rahmah yang ditekankan dalam kedua-dua ajaran Kristian dan Islam berupaya diaplikasikan oleh pihak berbeza agama. Manakala, hubungan bersama jiran/rakan berbeza agama menunjukkan kerjasama dan kesepakatan

antara Muslim dan Kristian dalam semua aktiviti sosial. Penemuan kajian ini mengesahkan dapatan Abdul Hakim et al. (2017) bahawa hubungan kedua-dua agama di Sabah kekal positif dan stabil.

Perkara ini membuktikan interaksi yang berlaku di Sabah sebagaimana dinyatakan Pugh-Kitingan (2015) memaparkan sikap yang telah menjadi satu kebiasaan bagi mereka untuk hidup damai bersama berbanding saling berbalah. Fakta ini turut diperkukuhkan lagi bilamana keluarga beza agama di Sabah diterima pakai sebagai satu kelaziman sosial yang didorong daripada amalan perkahwinan campur yang melibatkan pertukaran agama kepada Islam (Suraya dan Budi Anto, 2016). Hubungan sebegini mendorong interaksi berlangsung secara meluas dan fahaman perbezaan agama diminimumkan atas sebab wujud jalinan kasih sayang dalam ikatan kekeluargaan dan hubungan akrab sebagai jiran dan sahabat. Dengan itu, kesefahaman budaya antara Muslim dan Kristian di kawasan kajian terlibat boleh difahami melalui amalan interaksi yang berlangsung dalam pelbagai aktiviti sosial yang tidak hanya bersifat bermusim ketika sambutan majlis keramaian atau perayaan, tetapi juga dilazimi melalui aktiviti seharian bersama keluarga dan jiran/rakan berbeza agama.

Kesefahaman budaya begitu menyerlah dalam hubungan Muslim dan Kristian dan hal ini dapat dijelaskan melalui sikap responden Muslim yang tidak menghalang ahli keluarga dan rakan/jiran Kristian mengadakan aktiviti *moginum* dalam sebarang majlis keramaian. Sungguhpun aktiviti ini merupakan salah satu aktiviti sosial yang membataskan hubungan Muslim dengan penganut agama lain atas faktor batasan hukum syariah yang tidak dibenarkan dalam Islam, namun sikap menghormati budaya amalan agama lain dapat dilihat melalui sikap akomodasi daripada pihak Muslim. Demikian juga dengan sikap responden Kristian terhadap tuntutan agama Islam dalam perkara yang melibatkan amalan ibadah seperti berpuasa, solat dan penyediaan makanan halal, begitu dihormati oleh pihak Kristian. Boleh dikatakan kedua-dua pihak saling bertoleransi, saling memahami dan bersikap penerimaan terhadap perbezaan yang wujud antara mereka. Dapatan kajian ini selari dengan kebanyakan kajian toleransi di Sabah di mana agama tidak dilihat sebagai halangan untuk saling berinteraksi atau elemen pemisah yang membataskan hubungan antara pihak berbeza agama. Sebaliknya, agama dilihat daripada aspek positif yang diterima sebagai alat penyatuan dan pencetus semangat solidariti, dan situasi ini begitu jelas digambarkan ketika sambutan perayaan.

Sambutan perayaan seperti Hari Raya dan Krismas berdasarkan kajian ini mencatatkan sikap penerimaan yang tertinggi daripada kedua-dua pihak Muslim dan Kristian sama ada hubungan bersama keluarga mahupun jiran/rakan beza agama. Dapatan kajian ini selari dengan beberapa kajian mengenai sambutan perayaan sebagai salah satu elemen toleransi beragama di Semenanjung Malaysia

(A. Tarmizi Talib et al., 2013; Fadhila et al., 2019). Justeru, boleh dikatakan sambutan perayaan merupakan platform terbaik bagi menjana toleransi dan indikator kesefahaman budaya yang boleh dijadikan kayu ukur dalam menilai keharmonian sosial antara agama di Malaysia.

Kajian ini membuktikan bahawa agama tidak seharusnya dilihat hanya sebagai punca dan pencetus konflik, sebaliknya agama turut berperanan penting sebagai pencetus semangat hidup bersama dan medium perdamaian untuk menyatupadukan perbezaan dan kepelbagaian. Ini kerana agama berperanan sebagai pembina keamanan (*faith-based peace building*) (Nicosia, 2017) yang berupaya menyuburkan cara hidup sihat melalui nilai kasih mengasih, menanamkan sikap saling menghormati dan membangkitkan perasaan prihatin atau sikap kepedulian terhadap sesama insan. Perkara inilah yang diterapkan dalam ajaran agama Islam melalui nilai *Rahmatan lil alamin* dan ajaran Kristian "*treat the others as you would like to be treated*". Kajian ini mendapati unsur kasih sayang sesama manusia tanpa mengira agama dipamerkan melalui interaksi sosial dalam hubungan Muslim dan Kristian di negeri Sabah melalui pelbagai aktiviti harian, bermusim dan aktiviti sosial yang melibatkan batasan dan tuntutan agama.

KESIMPULAN

Interaksi sosial dalam hubungan Muslim dan Kristian di kawasan kajian yang melibatkan daerah Kota Kinabalu dan Keningau adalah positif, stabil dan harmoni. Boleh dikatakan faktor yang memotivasikan masyarakat Sabah untuk saling berinteraksi tanpa batas agama didorong atas semangat inklusif untuk hidup damai bersama. Struktur sosial yang bersifat tinggal bersama, bertutur menggunakan Dialek Melayu Sabah, amalan perkahwinan campur dan nilai kasih sayang yang ditekankan dalam kedua-dua ajaran agama merupakan antara faktor yang menyuburkan semangat kesefahaman budaya antara Muslim dan Kristian di kedua-dua kawasan kajian. Sekalipun kajian ini hanya merupakan kajian kes yang tertumpu di dua daerah di Sabah, iaitu Kota Kinabalu dan Keningau, tentunya agak sukar untuk membuat generalisasi secara keseluruhan masyarakat Sabah. Namun, kedua-dua lokasi ini merupakan dua lokasi yang jauh berbeza daripada sudut geografi di mana responden di Kota Kinabalu mewakili masyarakat bandar, manakala responden di Keningau mewakili masyarakat luar bandar di bahagian pedalaman Sabah. Sungguhpun dipisahkan daripada latar geografi yang berbeza, namun kesefahaman budaya yang ditunjukkan melalui sikap dan nilai positif seperti toleran, saling memahami dan kebersamaan dapat dilihat di mana pun mereka berada. Toleransi beragama yang dipamerkan melalui sikap penerimaan dan saling menghormati dalam perkara yang melangkaui batasan agama menggambarkan masyarakat Sabah tidak menjadikan agama

sebagai penghalang untuk saling berinteraksi. Ikatan keserumpunan antara agama Islam dan Kristian yang kedua-duanya berasal daripada susul galur *Abrahamic religion* atau agama samawi dan agama yang menekankan kasih mengasihi sesama insan menjadi faktor pemangkin yang mendorong interaksi sosial berlangsung secara meluas tidak hanya dalam konteks hubungan keluarga tetapi juga hubungan persahabatan dan kejranaan.

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan Kementerian Pengajian Tinggi atas pembiayaan dana penyelidikan FRGS/1/2019/SSI05/UMS/02/1 (FRG0527-1/2019).

RUJUKAN

- Abd Hakim Mohad, Yusten Karulus, Saini Ag. Damit, Mohd Sohaimi Esa, Dayu Sansalu, Ros Aiza Mohd Mokhtar, Ahmad Tarmizi Talib, & Sarjit S. Gill. 2017. Understanding The Christian Community's Stance towards the Muslim Community in Sabah: After the Ban on the Usage of the Term Allah. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(8), 451–461.
- Abdul Hakim Mohad, Ros Aiza Mohd. Mokhtar, Mashitah Sulaiman, & Latifah Abdul Latiff. 2019. Muslim-Christian relations in Malaysia: Issues and solutions. *Humanities and Social Sciences Reviews*, 7(1), 347–353.
- Adams, B. N. 1967. Interaction Theory and the Social Network. *Sociometry*, 30(1), 64–78.
- Ahmad Tarmizi Talib, Sarjit S. Gill, Zaid Ahmad, Jayum A. Jawan, & Nur Ayuni Isa. 2013. Toleransi Sosio-Agama Di Sabah Dan Sarawak. *Journal of Youth Studies*, 9, 83–90.
- Al-Sharbini, M. K. 1958. *Mughni Al-Muhtaj*. Syarikah Maktabah wa Matba'ah al-Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladih.
- Alfaqi, M. Z. 2015. Memahami Indonesia melalui Prespektif Nasionalisme, Politik Identitas serta Solidaritas. *Jurnal Pendidikan Pancasila Dan Kewarganegaraan*, 28(2), 111–116. <http://journal.um.ac.id/index.php/jppk/article/view/5451/2120>
- Ar Ramli. t.t. *Nihayatul Muhtaj*: Vol. III. Beirut: Darul Kutub Al Ilmiah.
- Azizah Kassim. 2004. *Inter-ethnic Marriage and their Implications on their Ethnic Integration in Sabah*. Laporan Penyelidikan Fundamental (tidak diterbitkan).
- Bogardus, E. S. 1925. Social Distance and Its Origins. *Journal of Applied Sociology*, 9, 216–226. http://www.brocku.ca/MeadProject/Bogardus/Bogardus_1925b.html
- Bottero, W., & Prandy, K. 2003. Social interaction distance and stratification. *British Journal of Sociology*, 54(2), 177–197.
- Budi Anto Mohd. Tamring. 2008. *Pengaruh agama dalam toleransi etnik: Kajian kes ke atas pelajar bumiputera Sabah di Universiti Malaysia Sabah*. Disertasi Sarjana, Universiti Malaysia Sabah.
- Budi Anto Mohd Tamring, & Saidatul Normis Hj. Mahali. 2020. Hubungan Kaum di

- Sabah: Suatu Pemerhatian Awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(10), 95–104
- Cherian, J. K. 2019. An Interreligious Initiative for Peace and Harmony: A Christian Perspective. *Transformation*, 36(2), 100–112.
- El-Awaisi, A. al-F. M. 2012. Umar's Assurance of Aman to the People of Aelia (Islamicjerusalem): A Critical Analytical Study of the Greek Orthodox Patriarchate's Version. *World Journal of Islamic History and Civilization*, 2(3), 128–136. www.isravakfi.org
- Emmett, C. F. 2009. The Siting of Churches and Mosques as an Indicator of Christian-Muslim Relations. *Islam and Christian-Muslim Relations*, 20(4), 451–476.
- Fazilah Idris, Khadijah Muda, & Khairul Anwar Mastor. 2019. Pembentukan Model Toleransi Beragama Belia Pelbagai Etnik di Malaysia. *Akademika*, 89(2), 33–42.
- Goddard, H. 1995. *Christians and Muslims: From Double Standards to Mutual Understanding*. Curzon Press.
- Goddard, H. 2001. *A History of Christian-Muslim Relations*. New Amsterdam Books.
- _____. 2008. Christian-Muslim relations: Examples of conflict and collaboration. In T. . Simon & Azizan Baharuddin (Eds.), *The dialogue of civilizations and the construction of peace* (pp. 173–194). Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya.
- Haddad, Y. Y., & Smith, J. I. 2009. The Quest for "A Common Word": Initial Christian responses to a Muslim initiative. *Islam and Christian-Muslim Relations*, 20(4), 369–388.
- Hasan Mat Nor. 2007. Agama dan Hubungkait dengan Toleransi Etnik di Sabah. (Dalam). Sabihah Osman. Toleransi Etnik dan Perpaduan Sosial di Negeri Sabah. *Laporan Penyelidikan IRPA*. Tidak diterbitkan.
- Khadijah Mohd. Khambali@Hambali, & Mohd Herzali Mohd Haled. 2008. Toleransi Beragama dan Amalannya di Malaysia: Rujukan kepada Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. *Jurnal Usuluddin*, 27, 81–92.
- Kntayya Mariappan. 2007. Tahap Toleransi Etnik di Sabah: Analisis Awal. (Dalam) Sabihah Osman. Toleransi Etnik dan Perpaduan Sosial di Negeri Sabah. *Laporan Penyelidikan IRPA*. Tidak diterbitkan.
- Mansurbini Yunus Idris. 1982. *Kasyaf al-Qanna' "an Matn al-Iqna."* Dar al-Fikr.
- Maulana Rifki. 2018. *Interaksi Sosial Masyarakat Islam dan Kristen dalam Perspektif Georg Simmel (Studi Tentang Bentuk-Bentuk Interaksi Sosial Islam-Kristen di Dusun Mutersari Desa Ngrimbi Kabupaten Jombang)* (Issue April). Universitas Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya.
- Mohd. Kamal Hassan, & Ghazali Basri (Eds.). 2006. *Religions and Beliefs (Encyclopedia of Malaysia)*. Didier Millet.
- Mohd Nazmi Mohd Khalli, Suraya Sintang, & Syamsul Azizul Marinsah. 2020. Rahmatan Lil 'Alamin: Kerangka Konsep Keharmonian Di Malaysia. *Sains Insani*, 5(2), 32–42.
- Muhammad Ridhuan Tony Lim Abdullah, M Nuri Al-Amin, Atifah Yusoff, Azizan Baharuddin, Faizal Abdul Khir, & Ahmad Tarmizi Talib. 2016. Socio-Religious Harmony Index Instrument Indicators for Malaysia. *Journal of Al-Tamaddun*, 11(2), 29–44.
- Muhammad, S. N. 2018. Prophetic Strategies in Peaceful Coexistence with non-Muslims By. *International Conference on Islamic Work, Peace and Social Security, February*(AH-1439), 1–19.

- Mun'im A. Sirry. 2005. Early Muslim-Christian dialogue: A closer look at major themes of the theological encounter. *Islam and Christian-Muslim Relations*, 16(4), 361–376.
- Nasr, S. H. 1995. Comments on a Few Theological Issues in the Islamic-Christian Dialogue. In Yazbeck Haddad and Wadi Z. Haddad (Editor) (Ed.), *Christian-Muslim Encounters* (pp. 457–467). University Press of Florida.
- Nicosia, P. S. 2017. Faith-based Peacebuilding: Insights from the Three Main Monotheisms. *Athens Journal of Social Sciences*, 4(1), 7-24.
- Pratt, D. 2010. The vatican in dialogue with Islam: Inclusion and engagement. *Islam and Christian-Muslim Relations*, 21(3), 245–262.
- Pugh-Kitingan, J. 2015. *Cultural and Religious Diversity in Sabah and Relationships with Surrounding Areas*.
- Robinson, D., Karlin, A., & Stiles, P. 2013. *Lonely Planet Borneo (Travel Guide)*. Lonely Planet.
- Romzi Ationg, Mohd Sohaimi Esa, Mohd Azri Ibrahim, Jualang Gansau, Andreas Totu, & Irma Wani Othman. 2021. Kebangkitan Semula Fahaman Politik Berbilang Kaum Melalui Slogan 'Sabah for Sabahan' di Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(1), 70–79.
- Roslizawati Mohd Ramly, Mashitah Sulaiman, Marina Munira Ab. Mutalib, & Khatijah Othman. 2018. *Persepsi Pemimpin Agama Kristian terhadap Konsep dan Amalan Toleransi Beragama di Malaysia*. 16, 235–245.
- Sabihah Osman. 2007. Toleransi Etnik dan Perpaduan Sosial di Negeri Sabah. *Laporan Penyelidikan IRPA*. Tidak diterbitkan.
- Saritoprak, Z. 2008. Said Nursi on Muslim-Christian relations leading to world peace. *Islam and Christian-Muslim Relations*, 19(1).
- Siddiqui, A. 1997. Christian-Muslim Dialogue in the Twentieth Century. In *Christian-Muslim Dialogue in the Twentieth Century*. Macmillan Press Ltd.
- Smith, J. I. 2007. Muslim, Christians, and the Challenge of Interfaith Dialogue. In *Oxford University Press*. Oxford University Press. <https://doi.org/10.1093/acprof>
- Suraya Sintang. 2012. *Dialog Kehidupan dalam Pengalaman Saudara baru di Sabah*. Disertasi PhD, Universiti Malaya.
- Suraya Sintang, Budi Anto Mohd. Tamring, Nur Farhana Abdul Rahman, Siti Aidah Hj. Lukin, & Halina Sendera Mohd. Yakin. 2019. Kesepaduan Sosial dalam Hubungan antara Agama di Pedalaman Sabah. *Borneo International Journal*, 2(1), 5–15.
- Suraya Sintang & Budi Anto Mohd Tamring. 2016. Pattern of Inter-marriage in Keningau: A Preliminary Study Towards Religious Tolerance. *Jurnal UMRAN*, 2(1), 34–50.
- Suraya Sintang, Khadijah Mohd Khadijah@Hambali, Azizan Baharuddin, Nurhanisah Senin, Suhaida Shaharud-din, Wan Ariffin Wan Yon, Baharuddin Malek, Mahmud Ahmad, & Mohd Roslan Mohd Nor. 2013. The Dialogue of Hikmah: Generating Harmony in Muslim-Non-Muslim Relations. *Islam and Christian-Muslim Relations*, 24(2), 213–224.
- Turner, J. H. 1988. A Theory of Social Interaction. In *Social Forces* (Issue 2). Stanford University Press.
- Wong, J. K. L. 2012. *Sabah Malay Dialect: Phonological Differentiation in Social Context*. Doctoral dissertation, Universiti Malaya.